

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan usaha Kementerian bagi menggalakkan penggunaan bahan mentah tempatan seperti getah dan kayu-kayan dalam pelbagai aspek pembangunan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sangat menggalakkan penggunaan bahan mentah tempatan seperti getah dan kayu kayan dalam pelbagai aspek termasuk pembangunan. Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi meningkatkan penggunaan getah tempatan adalah seperti berikut:

- (a) meningkatkan penggunaan bitumen terubah suai getah bekuan (*Cuplump Modified Bitumen - CMB*) dalam pembinaan dan penyelenggaraan jaringan jalan raya sepanjang 200,000 km di seluruh negara termasuk Jalan Luar Bandar dan Jalan Perhubungan Desa;
- (b) mempergiat kegiatan promosi produk-produk berasaskan getah Malaysia di peringkat antarabangsa oleh Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC). Ini termasuk kategori barang guna habis untuk perubatan (*medical consumables*) yang mempunyai potensi pasaran yang baik di negara-negara yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi seperti Amerika Syarikat dan Jerman; dan
- (c) meningkatkan penggunaan getah dalam negara melalui penghasilan produk-produk baharu dan bernilai tambah berasaskan getah seperti *seismic bearing*, sarung tangan perubatan dan industri, kateter (tiub getah untuk pengaliran urin), gelas getah utk keretapi dan jambatan dan lain-lain. Rundingan juga sedang dilaksanakan untuk mempromosi potensi penggunaan komponen-komponen berasaskan getah bagi projek mega seperti *East Coast Rail Link* (ECRL).

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha Kementerian dalam meningkatkan penggunaan kayu-kayan tempatan adalah seperti berikut:

- (a) menggalakkan penggunaan skim verifikasi kayu (TVS) dalam meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk kayu-kayan tempatan dalam industri pembinaan. Dalam hal ini, sebuah anak

## SOALAN NO : 5

syarikat telah ditubuhkan iaitu CTCS Worldwide Sdn Bhd (CWSB) bagi menggalas tanggungjawab berkenaan;

(b) menjalankan kajian bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi perolehan data teknikal penggunaan kayu bagi struktur bangunan. Kajian ini adalah bagi menyokong penggunaan kayu-kayan tempatan melalui data-data teknikal yang diperolehi;

(c) melaksanakan aktiviti promosi dan pemasaran produk perkayuan tempatan melalui pameran, karnival dan seminar. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 26 pameran dan karnival jualan telah dijalankan dengan menjana hasil jualan sebanyak RM20.69 juta. Bagi tahun 2019 pula, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) menyasarkan untuk menganjurkan 22 pameran dan karnival jualan bagi tujuan yang sama; dan

(d) meneruskan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), inovasi dan pengkomersilan produk-produk perkayuan tempatan bagi memperkukuhkan sumbangan sektor industri perkayuan.

Sekian, terima kasih.